



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MEMBUDAYAKAN PERPADUAN, MERAIKAN KEPELBAGAIAN

---

**JOHOR BAHRU, 25 Mei 2024** – Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan secara rasminya **telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri** sebentar tadi. Sambutan yang diraikan dengan tema "Perpaduan Dalam Kepelebagaian" ini bertujuan untuk **menyemarakkan lagi semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman, dan penghayatan masyarakat terhadap kepelebagaian adat dan budaya di Malaysia.**

Sambutan Minggu Perpaduan merupakan satu inisiatif yang menyokong kepada aspirasi Malaysia MADANI oleh Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan mewujudkan Kerangka Membangun Malaysia MADANI. Kerangka tersebut **dibangunkan menerusi konsep perpaduan dalam kepelebagaian bagi menyusun agenda perpaduan berpandukan Dasar Perpaduan Negara.**

Bermula pada tahun lepas, KPN telah memperkenalkan Kembara Perpaduan Malaysia MADANI yang **merupakan program flagship dengan menerajui inisiatif di bawah agenda perpaduan nasional merangkumi tiga (3) kluster utama iaitu Semarak Perpaduan, Semarak Kenegaraan dan Komuniti Rahmah.** Sambutan ini adalah program di bawah kluster Semarak Perpaduan dan merupakan **sambutan kali yang kedua (ke-2) selepas penganjuran buat julung kalinya di Kuching, Sarawak pada tahun lalu.**

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara menyatakan bahawa pengisian utama sambutan ini adalah **berbentuk kenegaraan, kebudayaan, kesenian dan warisan melalui pelbagai mekanisme seperti interaksi dan jalinan hubungan sosial secara berterusan pada peringkat "inter" dan "intra" etnik** dengan penuh berhemah. Justeru ianya dapat menggalakkan persefahaman, toleransi, hormat-menghormati antara masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya.

YB Menteri Perpaduan Negara turut menegaskan bahawa **perpaduan sepatutnya menjadi cara hidup bagi setiap rakyat Malaysia,** bukan sekadar sesuatu yang indah di atas kertas atau dalam lagu-lagu semata. Perpaduan adalah **asas utama yang memperkuatkan semangat kebangsaan dan jati diri tinggi** dalam kalangan seluruh rakyat. Usaha ini dianggap sebagai **pelaburan besar bagi generasi akan datang, dengan kepentingan bagi setiap individu dan pemimpin** untuk memperkasa perpaduan.

**"Keharmonian perlu dipelihara, dipupuk dan diterapkan dalam diri bermula daripada diri sendiri dan kemudian diwariskan kepada generasi seterusnya. Kita semua perlu ingat, setiap daripada kita bertanggungjawab dan berperanan dalam menjaga keharmonian, kedaulatan, keamanan dan keselamatan negara yang dicintai,"** ujar beliau.

Sebagai rekod sambutan pada tahun ini, sekali lagi pengiktirafan diberikan oleh **Malaysia Book of Records** melalui penyertaan peserta paling ramai dalam aktiviti **makan kacang pool**. Ia menandakan komitmen dalam menghargai dan memelihara keunikan adat budaya warisan setiap kaum sebagai aset negara yang memperkukuhkan identiti serta kesatuan masyarakat Malaysia.

Sebelum itu KPN telah mengadakan Jelajah Kembara Perpaduan dengan Negeri Sabah sebagai destinasi pertama, diikuti oleh negeri Sarawak, WP Labuan, Terengganu, Pulau Pinang, dan Negeri Sembilan mewakili zon. **Negeri Johor dipilih sebagai tuan rumah Sambutan Minggu Perpaduan Tahun 2024 Peringkat Kebangsaan** dengan harapan agar dapat menguatkan lagi **semangat patriotik dan kesetiaan kepada negara, serta meningkatkan pemahaman terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, membentuk warganegara yang bertanggungjawab, toleran, dan memiliki identiti nasional yang kukuh.**

KPN komited menyemarak semangat perpaduan, kenegaraan, kebersamaan, muhibah, dan sukarelawan dalam kalangan masyarakat berbilang etnik, agama, dan budaya. KPN akan mempergiat usaha untuk memperkukuh perpaduan melalui pelbagai inisiatif antaranya **pemeriksaan Rukun Tetangga Progresif, penyuburan minat terhadap khazanah warisan negara, dan meningkatkan keharmonian antara penganut agama, serta melahirkan pemimpin sukarelawan siswa.**

**Kementerian Perpaduan Negara**

25 Mei 2024

---

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my